



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1552

**AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
(PINDAAN) 2017**

Tarikh Perkenan Diraja 10 November 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 30 November 2017

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1552

AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PINDAAN) 2017

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam takrif “pelanggan”, dengan menggantikan perkataan “dan termasuklah penyewa suatu perkhidmatan kenderaan barangan” dengan perkataan “penyewa suatu perkhidmatan kenderaan barangan atau pelanggan suatu perniagaan pengantaraan”;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “pemegang lesen” takrif yang berikut:

‘ “pemegang lesen perniagaan pengantaraan” ertinya pemegang lesen yang dikeluarkan di bawah Bab 2A Bahagian II;’;

(c) dengan menggantikan takrif “perkhidmatan kenderaan barangan” dengan takrif yang berikut:

‘ “perkhidmatan kenderaan barangan” ertinya—

(a) pembawaan barangan bagi mana-mana pihak ketiga dengan menggunakan suatu kenderaan barangan untuk sewa atau upah; atau

(b) pembawaan barangan bagi mana-mana pihak ketiga atau pembawaan barangan sendiri dengan menggunakan suatu kenderaan barangan yang berkaitan dengan suatu perdagangan atau perniagaan;’;

(d) dengan memasukkan selepas takrif “perniagaan kenderaan pelancongan” takrif yang berikut:

‘ “perniagaan pengantaraan” ertinya perniagaan yang memudahkan perkiraan, penempahan atau transaksi bagi penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga sama ada untuk apa-apa balasan berharga atau nilai wang atau selainnya;’;

(e) dalam takrif “syarikat kereta api”, dengan memotong perkataan “sama ada diperbadankan atau tidak,”; dan

(f) dengan menggantikan takrif “terminal” dengan takrif yang berikut:

‘ “terminal” ertinya—

(a) stesen tunggal atau pelbagai modal dan pusat pengangkutan yang dikhususkan untuk pengangkutan awam darat atau bahagian atau pecahannya yang berhubungan dengan pengangkutan awam darat;

- (b) kaunter perkhidmatan atau kaunter tiket yang berhubung dengan pengangkutan awam darat; atau
- (c) depoh kontena untuk penyimpanan kontena yang digunakan bagi import atau eksport;’.

Bab baharu 2A Bahagian II

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bab 2 Bahagian II bab yang berikut:

“Bab 2A

Pelesenan perniagaan pengantaraan

Pelesenan perniagaan pengantaraan

12A. (1) Tertakluk kepada seksyen 194 dan 195, tiada seorang pun boleh mengendalikan atau mengadakan perniagaan pengantaraan melainkan jika dia memegang suatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen di bawah seksyen ini hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya dan hendaklah disertai dengan fi permohonan yang ditetapkan dan apa-apa maklumat dan dokumen yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Pemohon hendaklah memberi Suruhanjaya maklumat yang lengkap tentang kedudukan kewangannya untuk membuktikan keupayaannya untuk menanggung dan mengendalikan perniagaan pengantaraan.

(4) Tertakluk kepada Akta ini, Suruhanjaya boleh, apabila suatu permohonan dibuat bagi lesen di bawah seksyen ini—

- (a) meluluskan permohonan itu sepenuhnya atau sebahagiannya atau dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, dan, apabila dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan lesen kepada pemohon; atau
- (b) menolak permohonan itu.

(5) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan jangka masa lesen itu dan Suruhanjaya boleh mengenakan syarat pada lesen itu yang termasuk—

- (a) jenis dan takat perniagaan pengantaraan yang akan dikendalikan atau disediakan oleh pemegang lesen perniagaan pengantaraan;
- (b) tahap am perkhidmatan yang hendak disediakan kepada orang yang menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan pengantaraan;
- (c) langkah untuk melindungi keselamatan dan sekuriti orang yang menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan pengantaraan; dan
- (d) standard prestasi yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen perniagaan pengantaraan dalam mengendalikan perniagaan pengantaraan.

(6) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, menambahkan, membatalkan atau mengubah mana-mana syarat yang dikenakan pada suatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(7) Pengeluaran suatu lesen oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (4) tidak boleh mengenakan apa-apa tanggungan pada Suruhanjaya bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan, peninggalan atau keingkaran pemegang lesen perniagaan pengantaraan.

(8) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(9) Seseorang pemegang lesen perniagaan pengantaraan yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan pada lesen di bawah subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pembaharuan lesen

12B. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), Suruhanjaya boleh, apabila permohonan dibuat oleh pemegang lesen perniagaan pengantaraan, membaharui lesen itu dengan apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya atau menolak permohonan itu.

(2) Sesuatu permohonan untuk membaharui lesen di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sembilan puluh hari sebelum tarikh habis tempoh lesen itu dan hendaklah disertai dengan fi pembaharuan yang ditetapkan dan apa-apa dokumen yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Jika pemohon tidak mematuhi subseksyen (2) dan tidak memberikan apa-apa alasan yang difikirkan munasabah oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh enggan untuk meneruskan dengan, mendengar atau menentukan permohonan itu.

(4) Jika tiada permohonan untuk membaharui lesen dikemukakan, pemegang lesen perniagaan pengantaraan hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh habis tempoh lesen, mengembalikan lesen itu kepada Suruhanjaya.

Permohonan bagi perubahan

12c. Apabila permohonan dibuat oleh pemegang lesen perniagaan pengantaraan bagi perubahan lesen atau syarat lesen, Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa penuh dalam budi bicaranya—

(a) untuk meluluskan permohonan itu sepenuhnya atau sebahagiannya;

(b) untuk menolak permohonan itu; atau

(c) untuk memerintahkan apa-apa perubahan pada lesen itu atau syarat lesen itu selain perubahan yang dinyatakan dalam permohonan itu.

Pembatalan atau penggantungan lesen

12D. (1) Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis kepada pemegang lesen perniagaan pengantaraan dan tanpa apa-apa pampasan, membatalkan atau menggantung mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 12A—

- (a) jika mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana syarat lesen tidak dipatuhi;
- (b) jika pengeluaran lesen itu didorong oleh suatu representasi palsu mengenai fakta oleh atau bagi pihak pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu; atau
- (c) sekiranya berlaku kematian, ketidakupayaan, kebangkrapan atau, dalam hal sesuatu syarikat, likuidasi pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu atau, apabila seorang penerima atau pengurus dilantik berhubung dengan perniagaan mengadakan perniagaan pengantaraan oleh pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu:

Dengan syarat bahawa Suruhanjaya—

- (A) dalam hal perenggan (a), boleh sebagai ganti pembatalan atau penggantungan lesen melantik suatu pihak ketiga untuk membetulkan ketidakpatuhan itu dan mendapatkan semula kos pembetulan itu daripada pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu;
- (B) dalam hal kemungkiran mana-mana syarat lesen di bawah perenggan (a), tidak boleh membatalkan atau menggantung lesen itu melainkan jika ia berpuas hati, selepas memberi pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu suatu peluang untuk membuat apa-apa representasi bertulis yang dihasratinya untuk dibuat, bahawa disebabkan kekerapan kemungkiran itu, atau kemungkiran itu dilakukan dengan sengaja atau bahaya kepada orang awam yang terlibat dalam kemungkiran itu, lesen itu patut dibatalkan atau digantung; atau

(C) dalam hal kemungkiran mana-mana peruntukan Akta ini di bawah perenggan (a), atau perenggan (b) atau (c), tidak boleh membatalkan atau menggantung lesen itu melainkan jika ia berpuas hati bahawa, selepas memberi pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu suatu peluang untuk membuat apa-apa representasi bertulis yang dihasratinya untuk dibuat, lesen itu patut dibatalkan atau digantung.

(2) Jika suatu lesen—

(a) telah dibatalkan, lesen itu tidak mempunyai kuat kuasa dari tarikh pembatalan itu dan pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu hendaklah dalam masa empat belas hari dari tarikh pembatalan lesen itu mengembalikan lesen itu kepada Suruhanjaya; atau

(b) telah digantung, mana-mana pemegang lesen perniagaan pengantaraan yang berterusan mengendalikan atau mengadakan suatu perniagaan pengantaraan dalam tempoh penggantungan itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pemindahan lesen dilarang

12E. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), suatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 12A hendaklah menjadi khas untuk pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu, dan tidak boleh dipindahkan atau diserahkan.

(2) Seseorang pemegang lesen perniagaan pengantaraan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Walau apa pun perenggan 12D(1)(c), Suruhanjaya boleh, sekiranya berlaku kematian, ketidakupayaan, kebangkrapan atau, dalam hal suatu syarikat, likuidasi pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu atau, apabila seorang penerima atau pengurus dilantik berhubung dengan perniagaan mengadakan perniagaan pengantaraan pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu atau, jika atas apa-apa sebab Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah tidak adil untuk tidak berbuat demikian, membenarkan pemindahan lesen itu.

Kewajipan pemegang lesen perniagaan pengantaraan untuk menyimpan rekod, dsb.

12F. (1) Menjadi kewajipan seorang pemegang lesen perniagaan pengantaraan untuk menyimpan apa-apa akaun dan rekod sebagaimana yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah perenggan 253(1)(m) berhubung dengan lesen yang dikeluarkan kepadanya.

(2) Seseorang pemegang lesen perniagaan pengantaraan yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kewajipan pemegang lesen perniagaan pengantaraan untuk memberitahu Suruhanjaya

12G. (1) Menjadi kewajipan tiap-tiap pemegang lesen perniagaan pengantaraan, pada setiap masa, untuk memberitahu Suruhanjaya dengan serta-merta mengenai perkara yang berikut:

- (a) apa-apa prosiding atau tuntutan yang dimulakan atau dibuat terhadap pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu yang mungkin mempunyai kesan yang buruk pada keadaan kewangannya atau terhadap keupayaannya untuk melaksanakan apa-apa syarat di bawah lesen itu;
- (b) apa-apa celaan atau denda yang dikenakan ke atas pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu oleh mana-mana Entiti Kerajaan; dan

(c) apa-apa perubahan dalam kawalan pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “kawalan”, berhubung dengan seorang pemegang lesen perniagaan pengantaraan, ertinya mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengarahkan pengurusan dan dasar pemegang lesen perniagaan pengantaraan itu.

(3) Seseorang pemegang lesen perniagaan pengantaraan yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 21

4. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**kenderaan perkhidmatan awam**” perkataan “**atau kenderaan pelancongan**”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “menggunakan suatu kenderaan perkhidmatan awam” perkataan “atau kenderaan pelancongan”.

Pindaan seksyen 34

5. Seksyen 34 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**bas**”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “bas ekspres, bas mini dan bas berhenti-henti” dengan perkataan “mana-mana kelas kenderaan perkhidmatan awam”.

Pindaan seksyen 51**6.** Seksyen 51 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “Seseorang,” dengan perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (5), seseorang,”; dan
- (b) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “Sesuatu syarikat” dengan perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (5), sesuatu syarikat”.

Pindaan seksyen 79

7. Subseksyen 79(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pemegang lesen” perkataan “, pemegang lesen terminal, pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan seksyen 144**8.** Seksyen 144 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “dan pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal dan pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan seksyen 166

9. Seksyen 166 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal dan pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan seksyen 167

10. Perenggan 167(1)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan seksyen 169

11. Perenggan 169(1)(d) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal dan pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan seksyen 171

12. Seksyen 171 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “dan pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal dan pemegang lesen perniagaan pengantaraan”; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan seksyen 194

13. Seksyen 194 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “9,” perkataan “12D,”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Bab 2” dengan perkataan “Bab 2 dan 2A”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen terminal” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan seksyen 195

14. Seksyen 195 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**atau pemegang lesen terminal**” dengan perkataan “, **pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan**”;

- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen terminal” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan”;
- (c) dalam teks bahasa Inggeris—
- (i) dalam perenggan (a) dan (b), dengan menggantikan perkataan “or terminal licensee” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, terminal licensee or an intermediation business licensee”;
 - (ii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “or terminal licensee” dengan perkataan “, terminal licensee or intermediation business licensee”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “or terminal licensee’s” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, terminal licensee’s or intermediation business licensee’s”; dan
- (d) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Bab 2” dengan perkataan “Bab 2 dan 2A”.

Pindaan seksyen 196

15. Seksyen 196 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (2) dan (4), dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen terminal” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan”; dan
- (b) dalam teks bahasa Inggeris—
- (i) dalam subseksyen (2) dan (4), dengan menggantikan perkataan “the licensee, licensed operator or terminal licensee” dengan perkataan “the licensee, licensed operator, terminal licensee or intermediation business licensee”; dan
 - (ii) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “a licensee, licensed operator or terminal licensee” dengan perkataan “a licensee, licensed operator, terminal licensee or an intermediation business licensee”.

Pindaan seksyen 197

16. Seksyen 197 Akta ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen terminal” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan”; dan

(b) dalam teks bahasa Inggeris—

(i) dengan menggantikan perkataan “a licensee, licensed operator or terminal licensee” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “a licensee, licensed operator, terminal licensee or an intermediation business licensee”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “licensee, licensed operator or terminal licensee” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “licensee, licensed operator, terminal licensee or intermediation business licensee”.

Pindaan seksyen 199

17. Seksyen 199 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “satu ribu ringgit” perkataan “atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya”.

Pindaan seksyen 200

18. Seksyen 200 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “apa-apa kacau ganggu” perkataan “di suatu terminal atau”;

(b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) mengamang, menggalang atau menghalang seseorang pemegang lesen, pemegang lesen terminal, pemegang lesen perniagaan pengantaraan atau pengendali berlesen atau seorang pekerja pemegang lesen, pemegang lesen

terminal, pemegang lesen perniagaan pengantaraan atau pengendali berlesen itu, termasuk seorang pegawai kereta api, daripada mengadakan perkhidmatan pengangkutan awam darat atau dalam pelaksanaan kewajipan pekerja sedemikian,”;

- (c) dengan memasukkan selepas perkataan “pemegang lesen” di mana-mana jua terdapat perkataan “, pemegang lesen terminal, pemegang lesen perniagaan pengantaraan”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas perkataan “pengendali berlesen itu dari” perkataan “terminal,”.

Pindaan seksyen 210

19. Seksyen 210 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen terminal” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan”;
- (b) dalam teks bahasa Inggeris—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “A licensee, licensed operator or terminal licensee” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “A licensee, licensed operator, terminal licensee or an intermediation business licensee”; dan
 - (ii) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “the licensee, licensed operator or terminal licensee” dengan perkataan “the licensee, licensed operator, terminal licensee or intermediation business licensee”; dan
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “dua ratus ribu ringgit” perkataan “atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.

Pindaan seksyen 216

20. Subseksyen 216(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “seseorang pemegang lesen, pengendali berlesen atau pemegang lesen terminal”.

Pindaan seksyen 230

21. Perenggan 230(a) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pemegang lesen terminal” perkataan “, pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan seksyen 237

22. Seksyen 237 Akta ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen terminal” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan”; dan

(b) dalam teks bahasa Inggeris—

(i) dalam subseksyen (1)—

(A) dengan menggantikan perkataan “a licensee, licensed operator or terminal licensee” dengan perkataan “a licensee, licensed operator, terminal licensee or an intermediation business licensee”; dan

(B) dengan menggantikan perkataan “the licensee, licensed operator or terminal licensee” dengan perkataan “the licensee, licensed operator, terminal licensee or intermediation business licensee”; dan

(ii) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “or terminal licensee” dengan perkataan “, terminal licensee or an intermediation business licensee”.

Seksyen baharu 241A

23. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 241 seksyen yang berikut:

“Majistret mempunyai bidang kuasa penuh

241A. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, mahkamah Majistret mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan boleh menjatuhkan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan itu.”.

Pindaan seksyen 245

24. Seksyen 245 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(b), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

(b) dalam perenggan (1)(c), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”;

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (1)(c) perenggan yang berikut:

“(d) dengan menghantarkan dokumen kepada orang itu secara elektronik.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Jika sesuatu dokumen diserahkan melalui pos dalam bentuk surat prabayar, dokumen itu hendaklah disifatkan sebagai telah diserahkan pada hari yang berikutnya dokumen itu sepatutnya diterima, dalam perjalanan biasa pos.

(4) Jika seseorang yang diserahkan dokumen melalui pos dengan surat prabayar diberitahu tentang hakikat bahawa adanya surat prabayar yang menantinya di pejabat pos, dan orang itu enggan atau mengabaikan untuk mengambil surat prabayar itu, dokumen itu hendaklah disifatkan sebagai telah diserahkan kepadanya pada tarikh ia dimaklumkan demikian.”.

Pindaan seksyen 251

25. Subseksyen 251(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal atau pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan seksyen 252

26. Subseksyen 252(1) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “tren kereta api” dengan perkataan “kenderaan yang berkaitan dan tren kereta api, dan konduktor bagi kenderaan perkhidmatan awam”; dan

(b) dalam perenggan (r), dengan menggantikan perkataan “dan pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal dan pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan seksyen 253

27. Subseksyen 253(1) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (m), dengan memasukkan selepas perkataan “pengendali berlesen” perkataan “, pemegang lesen terminal, pemegang lesen perniagaan pengantaraan”;

(b) dalam perenggan (n), dengan menggantikan perkataan “dan pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal dan pemegang lesen perniagaan pengantaraan”;

(c) dalam perenggan (o), dengan memasukkan selepas perkataan “pengendali berlesen” perkataan “, pemegang lesen terminal, pemegang lesen perniagaan pengantaraan”;

(d) dalam perenggan (r), dengan menggantikan perkataan “tren kereta api” dengan perkataan “kenderaan yang berkaitan dan tren kereta api, dan konduktor kenderaan perkhidmatan awam”;

- (e) dengan memotong perenggan (*w*);
- (f) dalam perenggan (*mm*), dengan menggantikan perkataan “dan pemegang lesen terminal” dengan perkataan “, pemegang lesen terminal dan pemegang lesen perniagaan pengantaraan”;
- (g) dalam perenggan (*rr*), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (h) dengan memasukkan selepas perenggan (*rr*) perenggan yang berikut:
 - “(ss) memperuntukkan bentuk dan kandungan mana-mana perkiraan atau perjanjian antara pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dengan pemandu kenderaan perkhidmatan awam.”.

Pindaan seksyen 255

28. Seksyen 255 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Jadual Pertama dan Jadual Kedua” dengan perkataan “Jadual kepada Akta ini”.

Pindaan seksyen 256

29. Seksyen 256 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pemegang lesen terminal” perkataan “, pemegang lesen perniagaan pengantaraan”.

Pindaan Jadual Pertama

30. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dalam butiran 1—
 - (i) dalam takrif “kereta sewa dan pandu”, dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas takrif “kereta sewa dan pandu” takrif yang berikut:

“kenderaan *e-hailing*” ertinya suatu kenderaan motor yang muatan duduknya empat orang dan tidak lebih daripada sebelas orang (termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa orang dalam mana-mana perjalanan sebagai balasan bagi tambang perseorangan atau tambang berasingan bagi setiap satunya, yang perkiraan, penempahan atau transaksi, dan tambang bagi perjalanan itu dipermudah melalui suatu aplikasi elektronik mudah alih yang disediakan oleh suatu perniagaan pengantaraan.’; dan

(b) dalam butiran 2—

- (i) dalam perenggan (*l*), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (ii) dalam perenggan (*m*), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (*m*) perenggan yang berikut:

“(n) kenderaan *e-hailing*.”.

Jadual Ketiga baharu

31. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA

[Seksyen 2]

PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT DI BAWAH
PERNIAGAAN PENGANTARAAN

1. Perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam.”.

Kecualian dan peralihan

32. (1) Mana-mana orang yang mengendalikan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan perniagaan pengantaraan, sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah membuat permohonan bagi suatu lesen mengikut Akta ini dalam masa satu tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Apa-apa permohonan bagi suatu lesen yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diuruskan di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

(3) Apa-apa tindakan, penyiasatan atau prosiding yang dimulakan atau yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(4) Apa-apa obligasi, liabiliti, penalti atau hukuman yang terakru atau dikenakan di bawah Akta ibu, boleh diteruskan, dikuatkuasakan, dikenakan dan diuruskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.